

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 11 November 2021**



**MEDIA STATEMENT**  
**QUARTERLY CONSTRUCTION STATISTICS**  
**THIRD QUARTER 2021**

---

***The value of construction work done in third quarter 2021 contracted by  
21.0 per cent to RM24.8 billion***

**PUTRAJAYA, NOVEMBER 11, 2021** – The Department of Statistics Malaysia, today released **QUARTERLY CONSTRUCTION STATISTICS, THIRD QUARTER 2021**. This publication presents the third quarter construction statistics using the value of construction work done.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, said “The value of construction work done turned negative **21.0 per cent** (Q2 2021: 42.6%) year-on-year to **RM24.8 billion** (Q2 2021: RM28.2 billion) in the third quarter 2021. Among the factors contributing to the decline were the enforcement of the Enhanced Movement Control Order and National Recovery Plan (Phase 1 and 2) which set the strict conditions to resume operation in construction site. The contraction of the value of construction work done was also in line with the decline in production and imports of construction materials. A quarter-on-quarter comparison also showed the value of construction work done contracted by **-12.2 per cent** from the previous quarter.”

The three major construction subsectors, namely Civil engineering, Residential buildings and Non-residential each contracted **-29.7 per cent**, **-24.9 per cent** and **-10.4 per cent** respectively, as compared with the same quarter 2020. However, the Special trades activities subsector bucked the trend, grew at **21.0 per cent** in the third quarter 2021 as compared to the same quarter last year.


In the third quarter 2021, Kelantan, Pahang, Pulau Pinang, Sabah and Terengganu were the five states recorded positive growth in the value of construction work done driven by public infrastructure and non-residential projects. On the other hand, despite the value of construction work done grows negatively, Selangor recorded the highest value of construction work done with **RM5.5 billion** or **19.4 per cent share**. This was followed by the Wilayah Persekutuan and Sarawak with **16.7 per cent** and **12.8 per cent** respectively.

The Department of Statistics Malaysia also reports the value of construction work done is dominant by Civil engineering subsector since fourth quarter 2015 with **40.7 per cent** share. This followed by Non-residential buildings (27.2%), Residential buildings (23.3%) and Special trades activities (8.8%).

The private sector continued to impel the construction activity with **55.2 per cent** share or **RM13.7 billion** of the total value of construction work done, as compared to the public sector with **44.8 per cent** share (**RM11.1 billion**).

The activities of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate the said activities of Malaysia Census 2020 because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) or social media @MyCensus2020 for more info.

## Value of construction work done and percentage change, Q1 2019 – Q3 2021



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**11 NOVEMBER 2021**

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 11 November 2021**



**KENYATAAN MEDIA**  
**STATISTIK PEMBINAAN SUKU TAHUNAN**  
**SUKU KETIGA 2021**

---

**Nilai kerja pembinaan pada suku ketiga 2021 menguncup  
21.0 peratus kepada RM24.8 bilion**

**PUTRAJAYA, 11 NOVEMBER 2021** – Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **STATISTIK PEMBINAAN SUKU TAHUNAN, SUKU KETIGA 2021** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik pembinaan suku tahun ketiga dengan menggunakan nilai kerja pembinaan disiapkan.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Nilai kerja pembinaan menguncup **21.0 peratus** (ST2 2021: 42.6%) tahun ke tahun kepada **RM24.8 bilion** (ST2 2021: RM28.2 bilion) pada suku ketiga 2021. Antara faktor yang menyebabkan penurunan pertumbuhan nilai kerja pembinaan adalah penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan dan Pelan Pemulihan Negara (Fasa 1 dan 2) yang menetapkan syarat ketat untuk pengoperasian semula tapak pembinaan. Penguncupan nilai kerja pembinaan ini juga sejajar dengan penurunan dalam pengeluaran dan import bahan pembinaan. Perbandingan suku tahun ke suku tahun juga menunjukkan nilai kerja pembinaan menurun **-12.2 peratus** berbanding suku tahun sebelumnya.”

Tiga subsektor pembinaan utama, iaitu Kejuruteraan awam, Bangunan kediaman dan Bukan kediaman masing-masing menguncup **-29.7 peratus**, **-24.9 peratus** dan **-10.4 peratus**, berbanding suku yang sama 2020. Bagaimanapun, subsektor aktiviti pertukangan khas mengatasi trend merosot, meningkat **21.0 peratus** pada suku ketiga 2021 berbanding suku yang sama tahun lalu.


Pada suku ketiga 2021, Kelantan, Pahang, Pulau Pinang, Sabah dan Terengganu merupakan lima negeri mencatatkan pertumbuhan positif dalam nilai kerja pembinaan yang didorong oleh projek infrastruktur awam dan bangunan bukan kediaman. Sebaliknya, walaupun nilai kerja pembinaan tumbuh negatif, Selangor merekodkan nilai kerja pembinaan tertinggi iaitu sebanyak **RM5.5 bilion** atau **19.4 peratus** sumbangan. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan dan Sarawak masing-masing sebanyak **16.7 peratus** dan **12.8 peratus**.

Jabatan Perangkaan Malaysia juga melaporkan nilai kerja pembinaan adalah didominasi oleh subsektor Kejuruteraan awam sejak suku keempat 2015 dengan sumbangan **40.7 peratus**. Ini diikuti Bangunan bukan kediaman (**27.2%**), Bangunan kediaman (**23.3%**) dan Aktiviti pertukangan khas (**8.8%**).

Sektor swasta terus mendorong pertumbuhan aktiviti pembinaan dengan menyumbang **55.2 peratus** atau **RM13.7 bilion** daripada jumlah nilai kerja pembinaan berbanding dengan sektor awam yang menyumbang **44.8 peratus** nilai kerja pembinaan (**RM11.1 bilion**).

Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Penyiasatan Liputan Banci (PES) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan sepanjang November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan Banci Malaysia 2020 kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

## Nilai kerja pembinaan dan perubahan peratus, ST1 2019 – ST3 2021



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**11 NOVEMBER 2021**